

# UTHM pungut emas dalam kejohanan perahu naga

BATU PAHAT 5 April - Penyertaan sulung Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam acara lumba perahu naga peringkat antarabangsa di Kejohanan KL International Dragon Boat Festival 2011, baru-baru ini membawa hasil membanggakan apabila berjaya membawa pulang satu pingat emas.

Diwakili pasukan UTHM Paddlers, universiti itu turut meraih tiga pingat perak dan empat gangsa dalam kejohanan yang diadakan di Tasik Metropolitan Kepong, Selangor dan disertai pelbagai negara termasuk Jerman, Singapura, Hungary, Filipina, Kemboja, Brunei dan Indonesia.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, pingat emas diperolehi melalui acara International Junior Men

22 manakala pingat perak diraih dalam acara International Junior Men 12, International Junior Mixed 22 dan Malaysia Junior Men Open 22.

Katanya, pingat gangsa pula diperoleh dalam acara International Challenge Ladies 22, Malaysia Junior Mixed Open 22, International Junior Mixed 12 dan Malaysia Junior Mixed Open.

"Kejayaan ini menaikkan nama UTHM di persada antarabangsa dalam sukan air selain dari acara kayak dan rowing, sekali gus membuktikan bahawa UTHM akan muncul sebagai kuasa baru dalam acara lumba perahu naga yang jarang melibatkan penyertaan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

"Kesungguhan pasukan UTHM Paddlers untuk menaikkan nama universiti dalam

sukan air telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan UTHM dalam melaksanakan program dan aktiviti yang disertai oleh pasukan UTHM Paddlers," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

KL International Dragon Boat Festival 2011 dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Pelancongan Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Perahu Naga Pulau Pinang turut disertai pasukan negeri-negeri dan kelab-kelab yang mewakili jabatan kerajaan dan swasta.

Menurut Shafry, seramai 50 atlet UTHM menyertai pertandingan tersebut di bawah bimbingan pengurus dan jurulatih kecerasan pasukan, Shaid Jaffar.